

# USAH KOMPROMI GEJALA BULI

Oleh Mohamad Farhan Kamaruzaman



**ENGGAL** persekolahan tahun 2018 bermula pada bulan Januari yang lalu. Sudah semestinya para pelajar bersemangat untuk memulakan jendela pembelajaran dengan azam dan niat yang baharu. Hal ini turut dirasai oleh para guru yang sentiasa bersedia dan berdedikasi untuk mendidik anak bangsa tercinta. Sudah tentunya pada tahun ini, diharapkan terdapat banyak penambahbaikan dalam sektor pendidikan dan gejala buruk yang berlaku pada tahun-tahun terdahulu tidak berulang.

Namun begitu, masalah buli yang sering kali dikaitkan dengan alam persekolahan, tidak kira sekolah rendah atau menengah, pastinya merisaukan pelbagai pihak dan sering menghantui setiap pelajar dan guru. Masalah ini seolah-olah telah menjadi budaya di sekolah – pelajar senior membuli pelajar junior dan pelajar bertubuh besar memukul pelajar berbadan kecil – sehingga menyebabkan mangsa mengalami kecederaan dan kemurungan. Dalam hal ini, mangsa buli

pastinya memendam rasa tidak puas hati, sekali gus melakukan perbuatan yang sama kepada orang lain pada masa hadapan. Yang menakutkannya apabila sesetengah kes buli menyebabkan mangsa membunuh diri atau dibuli sehingga terbunuh.

Apabila memperkatakan gejala buli, ada baiknya kita mengetahui definisi buli itu terlebih dahulu. Menurut *Kamus Dewan* edisi keempat, buli didefinisikan sebagai perbuatan mendera dan mempermainkan seseorang supaya dapat menyesuaikan diri dengan suasana baharu. Buli juga membawa maksud mempermainkan orang lemah dengan tujuan untuk mengertakannya atau menakutkannya, selain dilakukan secara berulang kali. Perbuatan ini bertujuan untuk mewujudkan perasaan tidak selesa, aman, dan tenteram terhadap mangsa. Dr. Fauziah Hanim Abd. Jalal, pakar psikologi, menyatakan bahawa faktor ekologi menyebabkan berlakunya perubahan pemikiran dan tingkah laku, dan mengundang risiko individu tertentu untuk menjadi pembuli. Gangguan personaliti ini

menyebabkan seseorang itu berasa tidak bersalah untuk melakukan kesalahan, termasuklah membuli.

Secara umumnya, terdapat beberapa jenis perbuatan buli yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat negara ini. Perbuatan buli ini sebenarnya bukan sahaja berlaku di sekolah atau institut pengajian tinggi, bahkan turut berlaku dalam kehidupan harian masyarakat umum. Yang pertamanya, jenis buli terhadap fizikal seseorang. Buli fizikal secara amnya merangkumi aspek perbuatan secara fizikal, seperti memukul, menumbuk, menyepak, menolak atau mencubit, yang bertujuan untuk menyebabkan kecederaan kepada mangsa. Buli fizikal ini, jika dilakukan secara ganas, boleh mengundang kematian mangsa.

Yang keduanya, buli psikologi atau mental. Jenis buli ini merangkumi perbuatan menghina, mengejek, dan mengusik yang boleh mengganggu psikologi dan emosi mangsa buli. Selain itu, gangguan seksual, seperti menunjukkan isyarat atau kata lucah, juga tergolong dalam jenis buli ini.

Statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan menunjukkan bahawa kira-kira 14 ribu kes buli dicatatkan di sekolah seluruh negara dari tahun 2012 hingga 2015 dan sebahagian besarnya melibatkan penderaan fizikal.

Kedua-dua jenis buli ini, iaitu buli fizikal dan mental, merupakan perbuatan buli yang sering berlaku di sekolah atau universiti. Statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan menunjukkan bahawa kira-kira 14 ribu kes buli dicatatkan di sekolah seluruh negara dari tahun 2012 hingga 2015 dan sebahagian besarnya melibatkan penderaan fizikal.

Dalam hal ini, perbuatan membuli secara fizikal dan mental pastinya membawa padah yang lebih buruk jika tidak dibendung secara agresif.

Kes kematian dua orang pelajar yang berpunca daripada penderaan fizikal seharusnya membuka mata pelbagai pihak bagi menangani masalah yang semakin membimbangkan ini. Kematian pelajar berumur 18 tahun, T Nhaveen, yang dipukul dengan kejam oleh sekumpulan remaja di Georgetown, Pulau Pinang, dan kematian Kadet Laut UPNM, Zulfarhan Osman Zulkarnain, kerana didera oleh rakan selepas dituduh mencuri komputer riba milik rakannya, boleh dijadikan sebagai contoh apabila gejala buli ini tidak dibanteras dengan seriusnya pada peringkat sekolah dan universiti.

Terdapat juga beberapa jenis perbuatan yang boleh dikategorikan sebagai buli, selain buli fizikal dan mental. Buli secara dalam talian, atau dikenali sebagai buli siber, merupakan jenis buli yang semakin menular pada masa ini. Buli siber ialah perbuatan mengancam, memperdayakan, memalukan, atau menakutkan seseorang secara dalam talian. Buli siber ini secara umumnya lebih tertumpu kepada penderaan emosi, seperti

memberikan komen dan kata yang kesat, menulis artikel di internet yang berbentuk menghina seseorang, dan memfitnah seseorang melalui laman sosial, yang mengakibatkan mangsa mengalami kemurungan. Pembuli siber sering menggunakan identiti palsu untuk menyembunyikan identiti mereka daripada dikenali umum.

Buli siber ini sebenarnya tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat negara ini. Individu yang menggunakan laman sosial, seperti Facebook dan Twitter, pastinya sering kali berhadapan dengan isu ini. Buli siber ini boleh berlaku terhadap sesiapa sahaja, termasuklah orang biasa atau kenamaan, tanpa mengira status sosial, agama dan bangsa. Golongan selebriti turut tidak terlepas daripada menjadi mangsa pembuli siber ini. Penyanyi tersohor tanah air, Shila Hamzah, menyatakan bahawa beliau sudah serik menjadi mangsa buli siber. Penyanyi itu sering kali diejek dan dihina di laman sosial sejak tujuh tahun yang lalu dan mendakwa buli siber sebagai perbuatan yang kejam yang seharusnya dihentikan.

Selain itu, perbuatan membuli boleh juga berlaku di jalan raya yang dikenali sebagai buli jalanan. Jenis buli ini secara

biasanya berlaku kerana sikap pemandu yang tidak beretika dan mementingkan diri sendiri. Golongan ini memandu kenderaan secara berbahaya sehingga mengancam keselamatan pemandu lain di jalan raya. Tindakan memandu di lorong kecemasan, membunyikan hon dengan tujuan provokasi, atau menunjukkan isyarat bagi menimbulkan pergaduhan merupakan contoh buli jalanan yang sering berlaku di Malaysia.

Terdapat banyak kes buli jalanan yang berlaku di negara ini sejak dahulu lagi. Kejadian buli jalanan acap kali dapat dilihat di laman sosial dengan tindakan mereka seolah-olah seperti samseng jalanan. Hal ini seharusnya dijadikan sebagai refleksi diri kerana insiden ini sebenarnya mencerminkan tahap toleransi dan budi bahasa yang semakin hilang dalam jiwa masyarakat. Masalah buli jalanan ini pastinya dapat diatasi jika setiap warganegara mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan sikap bertolak ansur dan mencari jalan penyelesaian dengan cara berhemah.

Secara zahirnya, perbuatan buli bersifat universal dan boleh berlaku di mana-mana sahaja, tanpa mengira lokasi tertentu. Selain di sekolah, universiti,



alam maya dan jalan raya, buli turut berlaku di tempat kerja. Jenis buli ini secara dasarnya berlaku terhadap pekerja, tidak kira dibuli oleh majikan, pegawai atasan atau rakan sejawatan, yang bertujuan untuk mendera mangsa agar melakukan sesuatu pekerjaan atau dipinggirkan daripada rakan yang lain. Gejala buli di tempat kerja ini selalunya berpunca daripada rasa iri hati atau tidak puas hati terhadap seseorang, dan menggunakan kuasa atau pangkat untuk membuli pekerja tersebut.

Pensyarah dan aktivis sosial, Abdul Rashid Ismail, menyatakan bahawa buli di tempat kerja merupakan tindakan berulang-ulang yang tidak munasabah yang ditujukan kepada pekerja yang menyebabkan kemudaratan dari segi kesihatan dan keselamatan. Gejala ini juga kadang-kadang berlaku disebabkan faktor diskriminasi terhadap keupayaan seseorang dan juga latar belakang. Di Amerika Syarikat, misalnya, kajian menunjukkan bahawa kira-kira 54 juta orang pekerja dibuli di tempat kerja atau dianyai berulang-ulang dengan cara menjejaskan kesihatan mereka.

Terdapat beberapa tindakan yang boleh ditakrifkan sebagai buli di tempat kerja, termasuklah memberikan tugas

yang memang tidak boleh diselesaikan, sengaja menukar jadual pekerja tanpa sebab untuk menyusahkan pekerja, sengaja menyembunyikan maklumat bagi menghalang pekerja melakukan tugas, dan mengasingkan pekerja daripada rakan yang lain untuk mengganggu emosi. Dalam hal ini, kempen untuk mencegah buli di tempat kerja seharusnya diadakan bagi mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif. Kesatuan pekerja

bagi setiap organisasi, misalnya, boleh menggerakkan inisiatif ini bagi memberikan kesedaran dalam kalangan pekerja terhadap impak negatif jika perbuatan buli di tempat kerja ini tidak dibanteras.

Secara jelasnya, isu gejala buli tidak seharusnya dipandang remeh dan perlu dibanteras dengan segeranya dari akar umbi. Pendidikan awal tentang padah gejala buli ini seharusnya dilakukan kepada masyarakat, terutamanya anak



kecil. Hal ini dikatakan demikian kerana personaliti seseorang itu sesungguhnya bergantung pada persekitaran di rumah dan sekolah. Jika mereka didedahkan kepada kelakuan dan kata yang kasar di rumah, sudah tentunya anak ini akan berkelakuan sedemikian apabila berada di sekolah dan seterusnya sehingga memasuki alam universiti dan pekerjaan.

Di sekolah, pelajar diajar tentang nilai murni dalam mata pelajaran Pendidikan Islam bagi pelajar beragama Islam dan Pendidikan Moral bagi pelajar bukan Islam. Kedua-dua mata pelajaran ini sudah tentunya bertujuan untuk memupuk rasa hormat antara satu sama lain dan juga nilai kemanusiaan. Dalam hal ini, keadahnya pembelajaran perlu disesuaikan mengikut keadaan semasa agar para pelajar dapat menyelami kandungan mata pelajaran tersebut dengan jelasnya, bukan sekadar menghafal untuk menjawab peperiksaan semata-mata.

Secara tuntasnya, adab dan akhlak merupakan elemen yang sangat penting bagi membentuk jiwa seseorang agar menjadi individu yang baik. Dalam hal ini, pembentukan moral dan akhlak dalam kalangan pelajar bukan sahaja dapat mengawal gejala buli ini, bahkan penting dalam proses pembentukan sikap yang mempunyai nilai kasih sayang dan toleransi yang tinggi sesama individu yang lain agar dapat menjalani kehidupan bermasyarakat yang berbilang kaum di negara ini.

